

Majlis Perniagaan China- Malaysia ditubuh

UM 25 APR 2002

KUALA LUMPUR 24 April — Majlis Perniagaan Bersama China-Malaysia (CM-JBC) ditubuhkan hari ini bagi memudahkan ahli perniagaan kedua-dua buah negara menjalin kerjasama perdagangan dan pelaburan.

Bercakap mewakili CM-JBC bagi pihak China, Naib Pengerusi Majlis China Untuk Promosi dan Perdagangan Antarabangsa (CCPIT), Wan Jifei berkata, beliau yakin CMJBC mampu muncul sebagai satu kerjasama yang amat berkesan.

Katanya, keyakinan itu bersandarkan kepada kekuatan yang ada pada kedua-dua pihak dalam pelbagai aspek termasuk pencapaian teknologi, sumber manusia, infrastruktur, budaya dan bahasa.

“Kita sudah memeterai lebih 100 perjanjian dengan dewan-dewan perniagaan di seluruh dunia dan melalui pengamatan saya, ini (CM-JBC) merupakan antara satu yang terbaik,” katanya.

Malaysia diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI), Datuk Dr. Michael Yeoh pada majlis menandatangani perjanjian tersebut.

Majlis itu turut disaksikan oleh Naib Presiden China, Hu Jintao yang sedang dalam rangka lawatan empat hari ke Malaysia dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

Turut hadir ialah Pengerusi Bersama CM-JBC bagi pihak Malaysia, Tan Sri Lee Kim Yew dan Presiden ASLI, Mirzan Mahathir.

Delegasi

Pengerusi Bersama CM-JBC bagi pihak China akan diputuskan setelah delegasi Naib Presiden China, Hu Jintao kembali ke negara tersebut.

Hu yang tiba bersama 65 anggota delegasi untuk lawatan ke negara ini semalam akan berlepas ke Pulau Pinang esok terusnya ke Singapura pada Jumaat sebelum melawat Amerika Syarikat.

Mengulas lanjut mengenai CMJBC itu Mirzan berkata, mengikut cadangan, majlis berkenaan akan dianggotai oleh 20 hingga 25 ahli dari setiap pihak.

Katanya, keutamaan CM-JBC itu termasuk meningkatkan pembangunan di kedua-dua negara melibatkan bidang sumber manusia, teknologi maklumat (IT) dan industri kecil dan sederhana (IKS).

Turut diberi tumpuan katanya, ialah pembangunan kerjasama dalam sektor perniagaan pertanian, pendidikan dan pelancongan.

“Tumpuan juga diberi kepada pembentukan kerjasama strategik dan usahasama dalam pelbagai sektor di samping mengadakan forum dan lawatan perdagangan tahunan,” katanya.